



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

**TEKS UCAPAN
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA PADA
MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-61
HOTEL ROYALE CHULAN, SEREMBAN
29 APRIL 2025**

UCAPAN ALUAN YB. Pengerusi

1. Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli MKJR dan jemputan yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan MKJR Malaysia Ke-61.
2. Mesyuarat Agung ini sangat bermakna kerana kali terakhir kita bersidang secara rasmi adalah pada tahun 2019. Lima tahun telah berlalu, dan dalam tempoh ini banyak perubahan yang telah berlaku. Namun, keselamatan jalan raya masih kekal sebagai isu dan cabaran yang menuntut perhatian kita secara berterusan.

Realiti Keselamatan Jalan Raya

Ahli Majlis yang dihormati,





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

3. Sudah hampir 30 tahun, negara kita mencatatkan **purata lebih 6,000 kematian** setiap tahun akibat nahas jalan raya. Ini bermaksud lebih 180,000 nyawa telah terkorban sepanjang tiga dekad yang lalu. Angka ini bukan sekadar statistik - tetapi nyawa ahli keluarga terdekat, sanak saudara dan rakan-rakan yang tidak dapat dikembalikan. Walaupun pelbagai usaha dan strategi telah dilaksanakan, angka ini tetap kekal tinggi. Kita seolah-olah terperangkap dalam satu zon datar atau **plateau**.

Meneladani Kejayaan Negara Berpendapatan Tinggi

4. Namun, cabaran ini boleh diatasi. Jika dilihat negara-negara berpendapatan tinggi, mereka juga pernah berada pada tahap seperti kita pada tahun 60-an dan 70-an. Tetapi mereka telah membuat anjakan apabila mereka menerima dan melaksanakan pendekatan yang lebih sistematik dan menyeluruh, yang kemudiannya berkembang menjadi Pendekatan Sistem Selamat atau *Safe System Approach*.
5. Mereka tidak lagi menyalahkan kecuaiian atau sikap manusia semata-mata, tetapi sebaliknya membina sistem yang mampu 'memafkan' kesilapan manusia dan melindungi pengguna yang paling berisiko. Hasilnya,





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

mereka berjaya menurunkan kadar kematian jalan raya secara konsisten tahun demi tahun. Pengalaman mereka membuktikan bahawa **perubahan sistemik** mampu menyelamatkan ribuan nyawa.

Malaysia Juga Mempunyai Pelan

6. Malaysia juga sebenarnya telah mengambil langkah ke arah yang sama. Sejak tahun 2014, kita telah menerima pakai pendekatan ini melalui dua pelan strategik di peringkat kebangsaan. Yang terkini, Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Negara 2022–2030, mempunyai visi ke arah mencapai sifar kemalangan, dan telah meletakkan sasaran yang mencabar iaitu pengurangan 50% kematian di jalan raya menjelang tahun 2030.
7. Namun begitu, pelbagai strategi dan inisiatif yang kita laksanakan **masih belum berjaya membuat lonjakan perubahan**, iaitu sasaran untuk mengurangkan kematian tahunan sebanyak lebih 6,000 kepada separuh dalam tempoh lima tahun lagi.
8. Mengapa kita masih jauh dari sasaran? Salah satu sebab ialah kita menerima pendekatan sistem selamat ini secara





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

prinsip, tetapi tidak sepenuhnya dari segi pelaksanaan. Kita masih terperangkap dalam naratif lama, iaitu dengan menyalahkan sikap, kecuaian dan kelalaian pengguna. Sedangkan, pendekatan sistem menuntut transformasi menyeluruh terhadap sistem, dasar, rekaan infrastruktur, dan teknologi.

Mengenal Pendekatan Sistem Selamat

Hadirin mesyuarat sekalian,

9. Mari kita membayangkan masa hadapan di mana anak cucu kita bebas bergerak di jalan raya tanpa perlu kita risau akan risiko kehilangan nyawa. Bayangkan sebuah sistem yang benar-benar 'selamat'.
10. **Kenderaan** yang dilengkapi dengan teknologi pintar yang mampu mengesan keletihan, gangguan dan mengelakkan pelanggaran sebelum ia berlaku. Sistem automasi dalam kereta bukan sekadar pilihan mewah, tetapi menjadi satu keperluan utama yang mampu menyelamatkan nyawa.
11. Semua **jalan** direka bentuk untuk memaafkan kesilapan manusia - dengan pembahagi yang bijak, laluan pejalan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

kaki yang jelas, kelajuan yang terkawal, dan persekitaran yang tidak membenarkan kecuaian meragut nyawa.

12. **Teknologi** seperti kamera, sensor kelajuan, dan amaran kecemasan menjadi standard. Tambahan lagi, rakyat Malaysia telah pun dididik untuk menjadi **pengguna** jalan raya yang bijak dan bertanggungjawab.
13. Dan jika sekiranya kesemua sistem ini gagal, masih ada harapan untuk menyelamatkan nyawa melalui perkhidmatan **pasca kemalangan** yang tangkas dan cekap. Inilah sebenarnya visi sifar kematian melalui pendekatan sistem selamat yang kita mahukan.

Para hadirin yang dihormati.

14. Saya maklum ramai dalam kalangan kita adalah pakar keselamatan jalan raya. Namun, disebabkan kita juga mempunyai ahli-ahli baharu daripada pelbagai agensi dan sektor, jadi saya ingin mengambil sedikit masa untuk menerangkan mengenai sistem selamat.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

15. Secara ringkasnya, pendekatan sistem selamat merupakan satu **kerangka saintifik yang menggunakan data untuk**

merangka intervensi yang berimpak tinggi. Ia menekankan bahawa **pelaburan mesti memberikan pulangan yang besar** dari segi keselamatan jalan raya dan nyawa yang diselamatkan.

16. Pendekatan ini adalah berasaskan **empat prinsip utama.**

Pertama, **manusia mampu melakukan kesilapan.** Kedua, tubuh manusia mempunyai **had daya tahan** terhadap impak dan trauma. Ketiga, keselamatan jalan raya adalah **tanggungjawab bersama.** Dan akhirnya, sistem keselamatan mestilah direka bentuk dengan **pelbagai lapisan perlindungan yang redundant**, agar sebarang kegagalan dalam sistem di mana-mana peringkat tidak mengakibatkan kematian atau kecederaan serius.

17. Ini bermakna, beban keselamatan jalan raya tidak boleh hanya diletakkan pada pengguna jalan raya. Kematian bukanlah hukuman untuk kesilapan yang dilakukan oleh manusia atas jalan raya. Sebaliknya, keseluruhan sistem - meliputi perancang bandar, jurutera, penguatkuasa, pengeluar kenderaan, institusi pendidikan sehinggalah komuniti adalah bertanggungjawab dan saling menyokong dalam memastikan keselamatan jalan raya terjamin. Ini





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

memerlukan keinginan dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak untuk menerima dan melaksanakan

pendekatan yang baharu walaupun ia tidak popular atau menuntut perubahan cara kerja yang ketara.

Transformasi Peranan MKJR

18. Maka, berdasarkan pendekatan ini, MKJR memainkan peranan yang lebih besar - daripada sekadar menjadi NGO yang menjalankan program kesedaran dan advokasi, kepada **pemangkin perubahan sistemik**.
19. Setiap program yang kita laksanakan mesti berasaskan **data dan bukti, bersasar**, mempunyai **impak yang jelas**, serta **melibatkan komuniti** secara aktif dan berterusan. Kita mesti sentiasa **menilai** intervensi yang dilaksanakan – sekiranya berjaya, ia harus diteruskan. Jika tidak, kita perlu belajar dari kesilapan dan tidak menggunakan sumber kita dalam melaksanakan inisiatif yang kurang efektif.

Penutup

Ahli Mesyuarat yang dihormati,

20. Dengan semangat kebersamaan, saya percaya kita mampu mengubah landskap keselamatan jalan raya di





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

negara ini. Kita **mendokong prinsip tanggungjawab bersama** dan yakin bahawa dengan kolaborasi semua pihak, kita

mampu membawa perubahan yang menyeluruh dan mampan.

21. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada urus setia dan MKJR Negeri Sembilan atas penganjuran mesyuarat ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atas bantuan dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan penganjuran mesyuarat ini.

22. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MKJR Malaysia yang ke-61.

23. Ingatlah! Setiap nyawa yang kita selamatkan adalah satu kejayaan besar buat negara. *"One Life Lost Is One Too Many."*

Sekian, terima kasih.

/TAMAT

LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN
29 APRIL, 2025





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA
-TAMAT-

